

DR. MAHATHIR NASIHAT ORANG2 MELAYU

Awasi golongan yang cuba memecah belah

TIMBALAN Perdana Menteri. Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya berwaspada terhadap golongan yang mementingkan diri sendiri berusaha memecah-belahkan perpaduan di kalangan orang-orang Melayu.

Berucap merasmikan UMNO cawangan Seberang Alor di Mukim Hutan Kampung, dekat sini Timbalan Perdana Menteri berkata, orang-orang Melayu perlu mengekalkan perpaduan di kalangan mereka.

2 Terkeliru

Dato Seri Dr. Mahathir berkata sebelum merdeka, orang-orang Melayu merupakan satu bangsa yang berpecahbelah dan berpuak-puak, tidak dapat mempertahankan kedaulatan negara sehingga mereka dijajah.

Di atas kesedaran itu beberapa orang pemimpin Melayu telah menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu

ALOR STAR, Ahad

(UMNO) dalam usaha menyatupadukan mereka sehingga mencapai kemerdekaan.

Bellau menambah, dengan kemerdekaan yang diperolehi itu, orang-orang Melayu telah berkuasa semula dan dapat menentukan nasib mereka sendiri.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata bagaimanapun, masih terdapat golongan yang berusaha memecahbelahkan perpaduan orang-orang Melayu hingga menyebabkan mereka terkeliru.

Perpecahan itu telah bertambah dan dalam tahun 1969 orang-orang Melayu hampir kehilangan kuasa politiknya.

Katanya, UMNO sayangkan perpaduan orang-orang Melayu dan ingin memeliharanya. Oleh kerana itu ia telah mengambil keputusan untuk bekerjasama dengan golongan-golongan yang menentanginya demi untuk menumpukan khidmat kepada rakyat, bangsa, agama dan negara, katanya.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan kursus sivik di Kampung Darat, Changloon, 24 batu

dari sini, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan Pegawai-pegawai Daerah supaya memberikan khidmat yang penuh bertanggungjawab untuk memesatkan lagi pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan di negara ini.

Katanya, untuk menjayakan tanggungjawab itu mereka perlulah menjalinkan hubungan baik lagi mesra dengan setiap lapisan masyarakat di daerah masing-masing.

Melayani

Bellau menegaskan pegawai-pegawai daerah bertanggungjawab melayani segala rayuan dan kehendak rakyat.

Seterusnya mereka hendaklah menyampaikan kepada kerajaan segala masalah dan permintaan rakyat terutamanya mengenai pelaksanaan rancangan-rancangan kemudahan asas seperti mengadakan bekalan air dan elektrik serta jalan-jalan.

Dengan cara itu dapatlah kerajaan mengetahui masalah-masalah rakyat setempat dan mengambil tindakan segera untuk mengatasinya, tegas Dato Seri Dr. Mahathir yang juga ahli Parlimen kawasan Kubang Pasu.

Ini merupakan sistem demokrasi yang diamalkan oleh kerajaan negara ini dan ia adalah satu sistem yang baik yang boleh merapatkan hubungan antara rakyat dengan kerajaan.

Kedua ini perlulah dikekalkan untuk menjamin pencapaian kemajuan yang lebih pesat dalam bidang pembangunan di negara ini.

Katanya, kerajaan sentiasa akan menjalankan tanggungjawabnya untuk melaksanakan semua projek pembangunan yang boleh meningkatkan lagi taraf hidup rakyat terutama di kawasan-kawasan luarbandar.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, negara ini telah mencapai kemajuan yang begitu pesat dalam bidang pembangunan pelajaran, pertanian dan kesihatan sejak Malaysia merdeka.

Di samping mengadakan lebih banyak sekolah rendah, kerajaan juga membina sekolah-sekolah menengah di semua kawasan untuk memberi peluang kepada semua pelajar melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pelajaran tinggi, tambahnya.

Bagi memperbaiki taraf kesihatan rakyat, katanya, kerajaan telah mengadakan klinik-klinik dan pusat-pusat kesihatan di kawasan-kawasan luarbandar di seluruh negara.

Manakala ampangan-ampangan dan talair-talair telah diadakan di kawasan-kawasan sawah untuk membolehkan para petani menanam padi dua kali setahun dan dengan itu membantu menambahkan pendapatan mereka.

No. Sini - 1255

No. Pew. 926/80